

Anwar hargai keyakinan Dr Mahathir terhadapnya

Seremban: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menghargai keyakinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap dirinya untuk berada di barisan utama bagi memimpin Pakatan Harapan dan kerajaan.

Beliau ditanya mengenai kenyataan Dr Mahathir seperti disiarkan akhbar *New Straits Times* semalam, yang menyimpulkan adalah lebih baik supaya Anwar menggantikannya daripada terus membiarkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri.

Anwar berkata, beliau sudah membaca mengenai laporan temu bual itu dan mengucapkan terima kasih terhadap Dr Mahathir.

“Saya sangat menghargainya,” katanya ringkas ketika ditemui media selepas sesi pertemuan dengan pengundi (di Kampung Segu Tengah di sini, semalam.

Komen Dr Mahathir

Yang turut hadir pada program itu, calon Pakatan Harapan bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau, Dr S Streram.

Mengenai komen Dr Mahathir bahawa Najib disifatkan negarawan itu sebagai pemimpin yang teruk, Anwar berkata, beliau juga mempunyai sentimen sama.

“Berdasarkan kerosakan dan cara Najib mengendalikan keluarga dan kepentingan peribadinya, saya berpendapat penelitian Dr Mahathir adalah tepat,” katanya.

Anwar sebelum ini dinamakan Pakatan Harapan sebagai pengganti kepada Dr Mahathir untuk jawatan Perdana Menteri.

Walaupun tempoh masa peralihan kuasa kepemimpinan utama kerajaan itu belum dibuat, Dr Mahathir sudah beberapa kali memaklumkan akan menyerahkan kedudukannya kepada Anwar jika sampai waktunya.